

D.R. 21/2015

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2015.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Penggantian seksyen 13

2. Akta Saraan Hakim 1971 [*Akta 45*] dipinda dengan menggantikan seksyen 13 dengan seksyen yang berikut:

“Pencen tidak boleh diserahkan atau dipindahkan, dsb.

13. Tiada apa-apa pencen atau faedah lain yang diberikan di bawah Akta ini boleh diserahkan atau dipindahkan, atau ditahan, diasingkan atau dilevi, bagi atau berkenaan dengan apa-apa jua hutang atau tuntutan selain—

(a) hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan; atau

- (b) hutang yang kena dibayar kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 [Akta 767] berkenaan dengan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang diberikan oleh Lembaga itu.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 (“Akta 45”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk menggantikan seksyen 13 Akta 45 dengan seksyen baru 13 untuk membenarkan pencen atau faedah lain yang diberikan di bawah Akta 45 diserahkan atau dipindahkan, atau ditahan, diasingkan atau dilevi, bagi atau berkenaan dengan apa-apa hutang yang kena dibayar kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 [Akta 767] berkenaan dengan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang diberikan oleh Lembaga itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2948]